

Pelajar belasah guru disiplin

Metro 14/9/12
MS 4

Mangsa tegur 15 penuntut gagal hadir perhimpunan dipukul beramai-ramai

Fakta

Kes terbabit akan
didengar Jawatankuasa
Disiplin Sekolah pada 17
September ini

dat pasti tahap kecederaan dialami guru itu, namun yang pasti mangsa kini ber-cuti rehat.

“Apa yang saya tahu, mangsa tidak garang atau mengenakan tindakan terhadap mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan di sekolah itu menyebabkan ramai guru terkejut apabila dia menjadi mangsa,” katanya.

Harian Metro cuba meng-

hubungi guru lelaki terbabit untuk mendapatkan komen-nya, namun dia enggan mengulas lanjut kerana kes masih dalam siasatan polis dan pihak atasan sekolah.

Sementara itu, Pengarah Pelajaran Kedah, Mansor Lat berkata, pihaknya sudah menerima laporan kejadian itu dan kes itu akan didengar Jawatankuasa Disiplin Sekolah pada 17 September ini.

Menurutnya, semua semua pelajar terbabit akan dipanggil dan mereka diberi peluang untuk membela diri sebelum tindakan selanjutnya diambil.

Beliau berkata, guru lelaki itu cedera ringan akibat kejadian itu, tetapi semua pelajar terbabit tidak akan di-buang sekolah memandangkan mereka bakal mendu-

duki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini.

“Berdasarkan siasatan awal, semua 15 pelajar lelaki terbabit tidak hadir dalam perhimpunan di sekolah itu pagi Selasa lalu dan guru berkenaan menegur tindakan mereka, tetapi dibelasah kumpulan pelajar itu.

“Bagaimanapun, kejadian itu tidak menghalang mereka untuk belajar seperti biasa dan menduduki peperiksaan SPM tahun ini,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Adzaman Mohd Jan ketika ditemui mengesahkan menerima laporan kejadian itu dan memberitahu kes itu kini dalam siasatan.

ALOR SETAR: Hanya kerana menegur sekumpulan pelajar tingkatan lima tidak menyertai perhimpunan, seorang guru disiplin dibelasah ala sam-seng oleh sekumpulan pelajar dalam kelas di sebuah sekolah menengah di sini, Selasa lalu.

Kejadian jam 7.30 pagi itu bermula apabila guru terbabit yang berusia 40-an menegakan 15 pelajar lelaki tidak menghadiri perhimpunan sebaliknya membuat bising dalam kelas mereka.

Menurut sumber, guru itu ke kelas berkenaan dan meminta semua pelajar terbabit keluar dari kelas dan pergi ke perhimpunan bersama pelajar lain.

“Selepas memberi arahan itu, guru terbabit meninggalkan kelas namun hanya selepas beberapa langkah dia mendengar pelajar itu semakin bising, seolah-olah memprotes serta menging-kari arahnya.

“Apabila guru itu masuk semula dalam kelas, dia melihat sebahagian pelajar terbabit menendang pintu dan ada yang bertindak lebih berani dengan memecahkan cermin tingkap kelas,” katanya.

Menurutnya, apabila guru

terbabit mengarahkan perbuatan itu dihentikan, sebahagian daripada 15 pelajar terbabit mengerumuninya dan ada yang menolak kepala serta membelasah mangsa.

Sumber itu berkata, ketika itu perhimpunan sudah berakhir dan sebahagian daripada pelajar lain mula tiba untuk masuk kelas.

“Mereka terkejut apabila melihat kumpulan pelajar lelaki terbabit membelasah guru mereka, namun pelajar lain tidak berani menghalang.

“Perbuatan ganas pelajar terbabit hanya dapat dihentikan oleh beberapa guru lain yang datang tidak lama kemudian selepas diberitahu mengenai kejadian itu,” katanya.

Sumber itu berkata, dia ti-